

Ismail Sabri sambung beri keterangan di SPRM

Putrajaya: Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam menyambung keterangan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan kes rasuah dan perubahan wang haram dikaitkan dengan beliau.

Kenderaan membawa Perdana Menteri kesembilan itu tiba pada jam 2.52 petang dan kehadiran beliau ke ibu pejabat SPRM semalam adalah kali kesembilan bagi tujuan memberi keterangan.

Kelmarin, beliau dilihat meninggalkan ibu pejabat SPRM pada jam 6.11 petang selepas selesai proses merakam keterangan yang berlangsung selama tujuh jam.

Ahli Parlimen Bera itu memberi keterangan berkaitan siasatan kes rasuah dan perubahan wang haram berhubung perbelanjaan dan perolehan dana untuk promosi serta publisiti program

Keluarga Malaysia ketika tempoh perkhidmatan beliau sebagai Perdana Menteri dari Ogos 2021 hingga November 2022.

Kes disiasat mengikut Akta SPRM 2009 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001.

Sebelum ini, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki, berkata Ismail Sabri akan dipanggil semula bagi meneruskan siasatan berhubung pengisytiharan harta berhubung pengisytiharan harta.

Katanya, fokus siasatan adalah berkenaan pengisytiharan harta yang disiasat mengikut Seksyen 36 (1) Akta SPRM 2009.

Azam juga dilapor berkata, beberapa fail baharu dibuka berhubung siasatan terhadap Ismail Sabri susulan maklumat dan hasil risikan terbaharu pihaknya.

BERNAMA



Ismail Sabri meninggalkan ibu pejabat SPRM pada jam 6.11 petang selepas selesai proses merakam keterangan selama tujuh jam, kelmarin. (Foto BERNAMA)